

**#Nothing2Hide: Dialog PM bersama NGO dibatalkan**  
**Astro Awani**  
**05 Jun 2015**

**KUALA LUMPUR:** Program 'Dialog PM Bersama NGO' yang dijadualkan berlangsung pada jam 9 pagi, pada Jumaat di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dibatalkan demi ketenteraman awam dan keharmonian negara.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengesahkan pembatalan tersebut di dalam twit terbarunya.

Program itu adalah bertujuan bagi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak merungkaikan segala persoalan rakyat termasuk menjawab pelbagai persepsi negatif yang dilemparkan kepada beliau.

Ia adalah program anjuran Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) dan turut menggunakan hashtag #Nothing2Hide dalam promosinya.

“Pihak NGO patut diberikan peluang untuk bertanya soalan kepada Najib memandangkan mereka ada banyak soalan penting. Ini bagi memastikan ahli politik tidak mendominasi perbincangan mengenai isu-isu nasional,” ujar Pengerusi SukaGuam, Datuk Khairul Anwar Rahmat dalam satu sidang media Isnin lalu.

Sebelum ia diumumkan batal, program tersebut khabarnya bakal dihadiri bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang sejak kebelakangan ini dilihat banyak mengkritik kepimpinan Najib secara terbuka.

**Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/nothing2hide-dialog-pm-bersama-ngo-dibatalkan-61649>